

## **Selepas keluar Umno, 'Mahathir' carian teratas Google Malaysia Malaysian Insider March 1, 2016**

Kata kunci "Mahathir" popular sekali lagi dalam carian Google Malaysia, selepas bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mengumumkan keluar daripada Umno semalam.

Menurut laman sesawang awam Google Inc, Google Trend, carian di Google Malaysia untuk perkataan "Mahathir" mula memuncak pada 8 malam semalam dan terus menunjukkan arah aliran hingga 6 petang ini.

Istilah ini juga sebelum ini dikuasai carian pada google.com.my 5 kali dalam 10 tahun lalu, terutamanya pada April tahun lepas apabila bekas perdana menteri mengeluarkan kenyataan di blognya, chedet.cc, meminta Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak untuk berterus terang mengenai beberapa isu termasuk 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Istilah carian juga popular pada 2013, apabila anak Dr Mahathir, Datuk Seri Mukhriz Mahathir memenangi kerusi pertamanya sebagai menteri besar Kedah selepas Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13).

Pada Jun 2006 pula, Dr Mahathir menjadi popular selepas lantang mengkritik penggantinya, Tun Abdullah Ahmad Badawi yang lebih banyak menghentikan projek pembangunan yang pada mulanya diterajui dirinya.

Permulaan blog peribadi pada Mei 2008 juga mendapat carian yang tinggi dan juga pada bulan April 2005, apabila perdana menteri paling lama berkhidmat itu mengadakan pertemuan mesra dengan mendiang Lee Kuan Yew, bekas perdana menteri Singapura.

Sebagai perbandingan, perdana menteri Najib, dicatat sebagai orang ke-3 paling dicari Google Trend tahun lalu selepas Paul Walker dan Lee Kuan Yew di tempat teratas.

Sebagai perbandingan dengan Dr Mahathir, carian bagi "Najib" mula menjadi lebih popular apabila beliau mengambil alih kuasa pada 2009. – 1 Mac, 2016.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianoutsider.com/bahasa/article/selepas-keluar-umno-mahathir-carian-teratas-google-malaysia>